



JIMAT DAN SELAMAT RAMADAN INI BERSAMA TESCO

KUALA LUMPUR, 23 April 2020: Tesco Stores (Malaysia) Sdn Bhd hari ini melancarkan kempen *Raya Jimat, Raya Selamat*, dalam mengharungi perubahan keperluan orang ramai semasa menjalani keadaan normal baharu yang ditimbulkan oleh pandemik Covid-19.

"Ketika menyambut bulan suci Ramadan di kala cabaran Covid-19 ini, kami bertumpu kepada keperluan asas para pelanggan untuk menguruskan kos hidup mereka, sambil memastikan diri dan keluarga mereka sentiasa sihat. Kempen *Raya Jimat, Raya Selamat* kami menawarkan penjimatan besar untuk membantu para pelanggan kami menguruskan kos hidup mereka sambil mengekalkan penjarakan sosial bagi memastikan Hari Raya yang selamat dan bahagia," kata Ketua Pegawai Eksekutif Tesco, Paul Ritchie.

"Kami juga memahami bahawa Ramadan ini mungkin merupakan Ramadan pertama di mana ada yang akan berada jauh dari keluarga dan orang-orang yang mereka sayangi, namun, kita masih dapat *Bersama Walaupun Jauh* melalui ikatan tradisi dan hidangan istimewa sempena Hari Raya. Kempen adalah cara kami membantu pelanggan mencipta kenangan berharga baru tahun ini sambil mengawasi perbelanjaan mereka."

Raya Jimat

"Sejak awal Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) lagi, Tesco telah berusaha dalam memastikan cawangan kami dilengkapi dengan keperluan harian seperti daging, ayam, buah-buahan dan sayur-sayuran segar supaya pelanggan dapat terus menyediakan hidangan makanan bagi keluarga mereka," kata Paul.

"Memikirkan cabaran kewangan orang ramai yang disebabkan oleh Covid-19, Tesco juga telah mengekalkan pelaburan harga ke dalam produk-produk penting seperti ayam kami, yang berharga RM5.99 sekilo sejak Ogos 2016, sementara rangkaian Jenama Sendiri Tesco (TOB) adalah secara purata 10 peratus lebih murah apabila dibandingkan dengan jenama nasional."

Tesco juga mengenakan potongan hingga 30 peratus untuk sebahagian besar barang sejuk dan beku seperti nugget, drummet ayam dan roti paratha untuk membolehkan para pelanggan berbuka puasa, lebih cepat dan lebih mudah sempena kempen ini. Ini boleh menyenangkan lagi penyediaan makanan untuk para pelanggan, memandangkan bazar Ramadan tahun ini telah dibatalkan selain cabaran dalam sekatan pergerakan. Tesco juga menawarkan tujuh jenis buah kurma (khenaze, deglet nour, medjool, al-hisham khalas, masafii lulu, masfii rabbie dan masafii emirates), yang diimport dari Emiriah Arab Bersatu, Tunisia dan Palestin.

Sementara itu, produk TOB, yang rata-rata 10 peratus lebih murah daripada jenama nasional, kini telah menjadi bahan asas kebanyakan keluarga di Malaysia. Pelanggan akan dapat menikmati barangan TOB yang lebih murah seperti susu krim penuh coklat UHT, (RM4.29), kordial Berry 1 liter (RM8.99), biskut mentega 454g (RM12.99) dan banyak lagi di sepanjang tempoh kempen Raya Jimat, Raya Selamat.

Program kesetiaan Tesco Clubcard juga akan memberikan penjimatan tambahan kepada pelanggan kerana setiap pembelian mereka akan diterjemahkan ke dalam kumpulan mata, yang kemudian ditukar menjadi baucar. Baucar kemudian boleh digunakan untuk pembelian di masa hadapan. Memandangkan keadaan semasa, mata Clubcard memberi lebih manfaat daripada sebelumnya untuk membantu pelanggan mengurus kos sara hidup mereka.

Tesco juga akan menjalankan pertandingan resipi mingguan, di mana pelanggan boleh mencuba sendiri resipi tersebut dengan menggunakan produk yang terdapat di Tesco. Pelanggan digalakkan untuk berkongsi gambar atau video percubaan mereka untuk resipi, tag Tesco dan mereka yang mempunyai kandungan dan kapsyen paling kreatif akan memenangi baucar Tesco bernilai RM500. Untuk membantu pelanggan membeli-belah dengan lebih senang lagi pada musim perayaan ini, rangkaian pakaian keluarga Tesco Raya juga dijual di Lazada dengan potongan 10 peratus tambahan untuk anak-anak.

Raya Selamat

"Sama seperti keseluruhan Malaysia, kami juga harus menyesuaikan diri dengan pandemik Covid-19 dan bagaimana ia mengubah bukan hanya cara menjalani kehidupan kami, tetapi juga bagaimana kami menjalankan perniagaan kami. Keghairahan pembelian panik pada awal PKP kini telah diganti dengan pembelian yang lebih tenang, tanpa sentuhan atau dalam talian di mana pelanggan dapat meneruskan penjarakan sosial," kata Paul.

"Dalam melayani pelanggan kami dengan lebih baik setiap hari, kami sejak awal PKP menambahkan slot penghantaran dalam talian kami sebanyak 44 peratus, melancarkan perkhidmatan Order & Collect berasaskan WhatsApp dan meningkatkan penggunaan Scan & Shop kami di cawangan kami, bagi membolehkan pelanggan terus melakukan penjarakan sosial sambil berbelanja di cawangan-cawangan Tesco. Kami juga memulai usaha perekrutan untuk menambah 600 rakan sekerja baru untuk menyokong perubahan permintaan dalam tempoh ini."

"Untuk bulan Ramadan dan Raya ini, kami melancarkan perkhidmatan Click & Collect di lapan cawangan kami. Perkhidmatan Click & Collect akan membolehkan pelanggan memesan melalui

platform Tesco Online menggunakan akaun Tesco Online mereka yang sedia ada dan kemudian mengambil di cawangan pilihan mereka. Ini adalah salah satu cara kami dalam memberi bukan sahaja nilai tetapi juga kemudahan untuk pelanggan,” sambung Paul.

Click & Collect akan ditawarkan di cawangan Tesco yang sudah mengendalikan perkhidmatan Tesco Online, iaitu Tesco Selayang, Mutiara Damansara, Cheras, Puchong, Desa Tebrau, Seberang Jaya, Ipoh Extra dan Melaka. Click & Collect akan melengkapkan tawaran Tesco Online dan perkhidmatan berasaskan WhatsApp, Order & Collect.

Click & Collect beroperasi sama seperti Tesco Online di mana pelanggan boleh memesan sehingga tiga minggu lebih awal. Pelanggan kemudian diminta untuk memilih slot waktu pengumpulan antara 1 tengah hari hingga 6 petang setiap hari, dan kemudian pergi ke cawangan pilihan mereka dan mengambil pesanan mereka dalam masa dua jam dari slot waktu yang dipilih.

Untuk memastikan kemudahan kepada pelanggan, meja Click & Collect akan ditempatkan di pintu masuk cawangan Tesco tersebut supaya pelanggan dapat mengurangkan masa mereka di luar rumah. Seperti di Tesco Online, pelanggan hanya boleh memesan barang sehingga 30kg melalui Click & Collect. Tidak ada bayaran perkhidmatan yang dikenakan untuk Click & Collect.

Sementara itu, Tesco mengambil semua langkah keselamatan untuk memastikan bahawa cawangan-cawangan Tesco tetap menjadi tempat yang selamat untuk membeli-belah. Ini termasuk langkah-langkah pencegahan seperti pemeriksaan suhu badan untuk pelanggan, membatasi jumlah pelanggan di cawangan pada bila-bila masa, mendorong pelanggan untuk mempraktikkan kebersihan pencucian tangan yang baik, penjarakan sosial dan juga memakai topeng muka untuk mencegah penyebaran jangkitan.

Kempen Raya Jimat, Raya Selamat akan berlangsung dari 23 April hingga 11 Jun, di semua 60 cawangan Tesco dan platform atas talian termasuk Tesco Online, Lazada dan Shopee.

TAMAT

About Tesco Stores (Malaysia) Sdn Bhd

Tesco Malaysia was established in May 2002 through its first store in Puchong, Selangor. Today, it employs over 7,000 employees across 60 stores and two distribution centres throughout Peninsular Malaysia. In 2013, Tesco paved the way in online grocery shopping through the launch of Tesco Online which started in Klang Valley before expanding to Penang, Johor Bahru, Melaka, Negeri Sembilan and Ipoh.